



KERATAN AKHBAR

AKHBAR	:	BERITA HARIAN
TARIKH	:	30/10/2019
JABATAN	:	SPAN
KLASIFIKASI	:	PERHATIAN

Lembah Klang alami gangguan bekalan air 23 jam

Kuala Lumpur: Sebanyak 120 kawasan di wilayah Gombak dan 57 kawasan di ibu negara bakal mengalami gangguan bekalan air sementara selama selama 23 jam, bermula esok hingga Jumaat.

Ketua Jabatan Perhubungan Pelanggan dan Komunikasi Pengurusan Air Selangor Sdn Bhd (Air Selangor), Abdul Raof Ahmad, berkata gangguan itu berkaitan pelaksanaan kerja penggantian injap.

"Gangguan bekalan air membabitkan 119,630 akaun pelanggan berdaftar akan bermula jam 9 malam Khamis (esok) dan dijangka pulih sepenuhnya jam 8 malam keesokannya.

"Pelaksanaan kerja ini disebabkan kawasan Kolum Air Kepong Estate mengalami kebocoran serius. Kerja penambahbaikan itu perlu dilaksanakan segera bagi mengelak insiden luar jangka yang boleh menjejaskan bekalan

air kepada pelanggan pada masa hadapan.

"Orang ramai dinasihatkan menyimpan bekalan air secukupnya bagi kegunaan sepanjang tempoh gangguan berkenaan," katanya dalam satu kenyataan, di sini semalam.

Beliau berkata, Air Selangor akan mengerahkan bantuan lori tangki air dengan keutamakan bagi pelanggan di premis kritikal dan kecemasan.

Maklumat lanjut dan status terkini boleh didapati dengan menghubungi Pusat Perhubungan Pelanggan Air Selangor di talian 15300 atau melalui aplikasi telefon bimbit Air Selangor atau laman sesawang www.airselangor.com.

Orang ramai juga boleh menghantar pesanan bagi kes kecemasan dan kritikal melalui aplikasi WhatsApp ke 019-2816793 atau 019-2800919.



Abdul Raof Ahmad